



SIARAN MEDIA

'JBALB SARAWAK TERUS KOMITED MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK KEPADA RAKYAT MELALUI PELAKSANAAN PROGRAM GRID BEKALAN AIR SARAWAK, PROJEK BEKALAN AIR DAN PROGRAM PENDIGITALAN'

KUCHING, 7 Februari 2022: Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Utiliti & Telekomunikasi Sarawak dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak sebagai agensi pelaksana akan terus komited untuk memastikan setiap rakyat Sarawak di bandar, luar bandar dan kawasan pedalaman menikmati bekalan air bersih dan selamat. Komitmen ini dizahirkan dengan merangka sebuah perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang, bagi menambahbaik sistem bekalan air di Sarawak sekaligus menyelesaikan isu bekalan air melalui pelaksanaan program Grid Bekalan Air Sarawak, Projek Rakyat, Projek *Sarawak Alternative Water Supply Project* (SAWAS) dan Projek Bekalan Air di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) serta Program Pendigitalan JBALB Sarawak.

Program Grid Bekalan Air Sarawak merupakan satu perancangan jangka panjang yang holistik dan menyeluruh oleh pihak kementerian bertujuan untuk menambahbaik sistem bekalan air sedia ada di Sarawak. Grid bekalan air terawat yang dicadangkan akan merentasi Sarawak dari selatan ke utara menghubungkan sistem bekalan air di sepanjang jalan untuk membentuk grid berterusan untuk memberikan ketahanan dan kebolehpercayaan bekalan air. Ia juga akan merangkumi pembangunan sumber air mentah untuk memastikan bekalan air mencukupi bagi memenuhi permintaan air yang semakin meningkat. Perancangan ini melibatkan beberapa fasa untuk pelaksanaan pelan hala tuju untuk jangka pendek (sehingga tahun 2025), jangka sederhana (sehingga tahun 2040) dan jangka panjang (sehingga tahun 2070).

JBALB Sarawak juga akan terus komited untuk memastikan segala projek-projek bekalan air yang sedang dan akan dilaksanakan dapat disiapkan mengikut perancangan dan jadual yang telah ditetapkan. Peruntukan besar Kerajaan Sarawak bernilai sekitar RM4 Bilion adalah untuk pelaksanaan Tiga Ratus Dua Puluh Lapan (328) Projek Rakyat Bekalan Air sebagai mekanisma dan solusi jangka pendek dan sederhana bagi menyelesaikan isu bekalan air serta menambahbaik sistem bekalan air sedia ada di kawasan "*water-stressed*" di seluruh Negeri Sarawak. Projek Rakyat ini melibatkan pelaksanaan projek-projek yang membabitkan sumber air mentah, loji rawatan, sistem agihan, kerja menambahbaik, penukaran paip, serta inisiatif pemodenan (digitalization) dan pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar Alternatif Sarawak (SAWAS).

Buat setakat ini, 187 projek telah siap dilaksanakan dengan kos bernilai sekitar RM625 Juta, manakala 119 projek kini dalam fasa pembinaan dengan jumlah peruntukan bernilai RM2.87 Bilion. Selain itu, 11 projek dengan kos bernilai sekitar RM8.8 Juta kini dalam fasa untuk ditender, manakala 11 projek masih dalam fasa perancangan yang melibatkan kos bernilai sekitar RM366 Juta.

Proses penambahbaikan pengoperasian dan perkhidmatan JBALB kepada masyarakat juga adalah melalui perancangan rapi dan cadangan pelaksanaan projek-projek bekalan air di bawah Rancangan Malaysia ke 12 (RMK-12) di mana 160 Projek berimpak besar dengan kos bernilai sekitar RM18 Bilion di seluruh Negeri Sarawak telah dimasukkan dalam senarai tersebut untuk tempoh 5 tahun yang akan datang. Permohonan peruntukan yang besar amatlah diperlukan kerana pihak JBALB amat menyedari bahawa komitmen yang tinggi perlu diberikan bagi memastikan 100% liputan bekalan air di seluruh Negeri Sarawak.

Di dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, JBALB Sarawak menyahut seruan Kerajaan Sarawak untuk bergerak seiring dengan perkembangan teknologi digital menuju ke arah pendigitalan perkhidmatan. JBALB Sarawak kini sedang mewujudkan *JBALB Command Centre* di mana ia akan menjadi platform fizikal

dan virtual sehenti bagi pendigitalan bekalan air di JBALB termasuk urusan komunikasi korporat dan khidmat pelanggan. Ia juga bagi memastikan pemantauan aspek-aspek dalam pengurusan bekalan air dapat dipermudahkan melalui penggunaan teknologi pendigitalan terkini sekaligus memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan yang lebih berkesan. Ia merupakan salah satu inisiatif pendigitalan fasa pertama sebelum JBALB menuju ke arah pendigitalan perkhidmatan sepenuhnya menjelang tahun 2025.

Justeru itu, sebagai sebuah agensi yang diamanahkan untuk memastikan aset bekalan air kerajaan berada dalam keadaan baik dan dapat dimanfaatkan selaras dengan visi dan misi Kerajaan untuk menyediakan 100% liputan bekalan air di seluruh Negeri Sarawak pada tahun 2025, maka adalah amat penting bahawa peruntukan yang disediakan untuk operasi dan penyelenggaraan aset juga perlu seiring dengan keperluan operasi dan pertambahan aset bekalan air JBALB Sarawak.

-TAMAT-

JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK